



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 5 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JANGAN 'BERMAIN' DENGAN HARGA AYAM, TELUR: NIK MUHAMMAD ZAWAWI, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PENGUSAHA BOT LAUT DALAM PERSENDIRIAN RAYU ISU AWAK-AWAK WARGA ASING, SH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	BERGANTUNG HANYA SATU PEMBEKAL PUNCA AYAM SEGAR KURANG – KPDNHEP, BH -ONLINE	LAIN-LAIN
4.	BISNES KFC ANTARA TERJEJAS JIKAISU HARGA AYAM GAGAL DISELESAIKAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Jangan 'bermain' dengan harga ayam, telur: Nik Muhammad Zawawi



Nik Muhammad Zawawi

PASIR PUTEH – Pemain industri makanan asasi terutamanya ayam dan telur diminta untuk tidak 'bermain' dengan harga bagi memastikan orang ramai mendapat manfaat yang sewajarnya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kerajaan sudah mempunyai perancangan jangka masa panjang dan pendek dalam mengatasi isu ketidakstabilan harga ayam dan telur di pasaran.

“Kerajaan akan menyelesaikan masalah tersebut cuma ia melibatkan jangka masa yang agak panjang seperti penternakan ayam yang dikendalikan kerajaan sendiri dan jangka masa pendek pula kita akan meluluskan lesen yang membolehkan individu tertentu import ayam dari luar. Kita harap langkah ini akan bantu kestabilan harga berkenaan.

“Namun pesan saya, kepada pemain industri dalam negara jangan mencampurkan perjalanan ayam ini menyebabkan harga ayam terumbang ambing.

Perkara ini saya dengar dari banyak pihak, jangan sampai tahap kerajaan ambil satu tindakan sehingga mereka berdepan kerugian dan sebagainya,”katanya kepada pemberita di sini pada Sabtu.

Nik Muhammad Zawawi sebelum itu merasmikan Majlis Pelancaran Jersi, Pengenalan Pemain dan Penaja Tok Janggut Warrior Fan Club (TJWFC) di Jeram Mengaji Agro Resort, di sini. Turut hadir, Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Beliau diminta mengulas mengenai harga ayam dan telur di pasaran kini yang dilihat tidak stabil terutamanya di musim perayaan.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, ketika ditanya mengenai persiapan musim kemarau melibatkan petani yang menanam padi, Nik Muhammad Zawawi berkata, kerajaan sudah pun mempunyai perancangan khusus untuk membantu mereka yang berdepan kerugian dan sebagainya.

“Kita di kementerian sudah buat beberapa andaian, kalau banjir, andaian banjir, kalau kemarau, ada andaian kemarau.

Perancangan itu ada namun kita serahkan semuanya pada ALLAH.

“Saya berharap petani memahami perkara ini, kerajaan akan membantu rakyat sebaik mungkin.

Kita akan ada pampasan dan sebagainya, cuma mungkin tidak 100 peratus ganti, namun ada pembelaan dari pihak kerajaan,”katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pengusaha bot laut dalam persendirian rayu isu awak-awak warga asing



Pemilik bot laut dalam persendirian mengadakan bantahan secara aman di Dewan Kampung Peramu, pada Sabtu bagi merayu penangguhan pelaksanaan PLKS yang didakwa membebankan.

KUANTAN - Seramai 45 pengusaha bot nelayan laut dalam persendirian di Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor berisiko gulung tikar akibat kos yang terlalu tinggi untuk membawa masuk awak-awak dari negara jiran.

Pemilik bot kelas C dan C2 itu mendakwa, kos membawa masuk awak-awak warga asing dari Thailand mencecah lebih RM3,400 seorang termasuk bayaran Pas Lawatan Kerja Sosial (PLKS) yang membebankan.

Mereka mendakwa setiap bot memerlukan 20 hingga 25 awak-awak untuk beroperasi dan kos yang perlu dikeluarkan antara RM68,000 hingga RM85,000 tidak termasuk tambang dan perbelanjaan lain.

Jumlah itu tidak termasuk kos terpaksa dikeluarkan untuk membaiki bot dan peralatan yang rosak mencecah RM100,000 sehingga RM300,000 selepas hampir dua tahun tersadai akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi Persatuan Nelayan Laut Dalam Pahang, Md Yusery Md Yusof berkata, golongan nelayan terlibat merayu kepada kerajaan supaya mengkaji semula dan menangguhkan pelaksanaan PLKS dengan bayaran RM1,400 bagi setiap awak-awak warga asing yang dibawa masuk melalui laluan darat ketika ini.

Menurutnya, selain bayaran PLKS, pemilik bot juga terpaksa membayar sewa hotel RM200 sehari selama tujuh hari untuk proses kuarantin bagi pekerja yang dibawa masuk.



Md Yusery Md Yusof

"Sewajarnya, buat sementara waktu kerajaan membenarkan memasukkan awak-awak warga asing ini menggunakan permit masuk pekerja seperti dilaksanakan sebelum ini.

"Kami juga memohon kerajaan membenarkan proses kuarantin awak-awak warga asing ini dilakukan di atas bot masing-masing," katanya dalam sidang akhbar bagi merayu penangguhan PLKS di Dewan Kampung Peramu di sini, pada Sabtu.

penangguhan PLKS di Dewan Kampung Peramu di sini, pada Sabtu.

Md Yusery berkata, rata-rata pemilik bot kini tersepit tanpa modal mencukupi untuk memulakan operasi selepas hampir dua tahun tidak turun ke laut.

"Sekiranya beban ini pula terpaksa ditanggung, besar kemungkinan bot-bot kami akan tersadai lebih lama," katanya.

Bagi pengusaha bot Kelas C2, Tengku Adnan Tengku Husin, 59, kelonggaran kerajaan membuka laluan darat bagi kemasukan awak-awak warga asing tidak membantu sekiranya mereka dibebankan dengan pelbagai syarat dan kos terlalu tinggi.



Tengku Adnan Tengku Husin

Menurutnya, dia memerlukan 25 awak-awak asing untuk bekerja di atas bot miliknya dan kos terpaksa ditanggung mencecah RM85,000 tidak termasuk kos pembaikan bot dan peralatan serta lain-lain perbelanjaan.

"Tambahan pula ketika ini, kemasukan pekerja asing untuk bekerja di atas bot difahamkan dihadkan hanya 30 orang sehari.

"Langkah itu juga tidak banyak membantu kerana jika kemasukan pekerja secara berperingkat, kami tetap tidak dapat turun ke laut sehingga pekerja cukup malah terpaksa menanggung mereka yang sudah tiba," katanya.

Tengku Adnan berkata, selama dua tahun ini dia kehilangan hasil mencecah RM3 juta mengambil kira hasil tangkapan RM150,000 sebulan sebelum ini.

"Sudahlah hilang pendapatan, hutang bank terpaksa bayar, kerosakan bot perlu dibaiki dan bila ada peluang untuk kembali ke laut, timbul pula masalah lain," katanya.

Menurutnya, syarat dikenakan itu mungkin tiada masalah bagi syarikat yang mempunyai banyak bot namun membebankan bagi pemilik bot laut dalam persendirian.

"Justeru kami minta kerajaan tangguh dahulu PLKS ini untuk satu tempoh sewajarnya supaya kami dapat turun ke laut bagi menampung kerugian ditanggung selama ini," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pemilik bot, Che Ghazaib Che Man, 58 berkata, pemilik bot sepertinya sebelum ini sudah mula menarik nafas lega apabila kerajaan memberi kelonggaran dengan membuka laluan darat di sempadan negara untuk membawa masuk awak-awak dari Thailand.



Che Ghazaib Che Man

"Kamimengemukakan rayuan berhubung perkara ini melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Rayuan itu dibuat memandangkan sebelum ini hanya laluan udara dibuka untuk tujuan itu di mana kemasukan pekerja asing perlu melalui agensi pelancongan dengan

kos jauh dari kemampuan iaitu lebih RM12,000 seorang," katanya.

Menurutnya, dengan apa yang berlaku ketika ini, nasib pemilik bot nelayan laut dalam persendirian terus tidak menentu.

"Jika rayuan tidak diberi perhatian, kami akan terus menanggung kerugian dan kemungkinan lebih ramai terpaksa gulung tikar," katanya.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuantan, Talib Hussin berkata, pihak persatuan simpati dengan masalah dihadapi pemilik bot yang kini begitu tertekan berikutan peraturan baharu dikeluarkan kerajaan.



Talib Hussin

Menurutnya, sebelum ini persatuan menghantar surat sokongan supaya kerajaan membenarkan kemasukan awak-awak warga asing untuk meneruskan aktiviti dalam sektor perikanan dan permohonan berkenaan telah diluluskan.

"Saya turut merayu kepada kerajaan supaya mengkaji semula bayaran kemasukan awak-awak warga asing supaya tidak membebankan pemilik bot persendirian bumiputera ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Bergantung hanya satu pembekal punca ayam segar kurang - KPDNHEP



Foto hiasan. - NSTP/MIKAIL ONG

MELAKA: Peniaga yang bergantung kepada hanya satu pembekal menjadi punca kekurangan bekalan ayam segar di Pasar Awam di Jalan Tun Fatimah, Bachang, di sini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna(KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar, berkata sejak semalam, pihaknya membuat pemantauan rapi barang keperluan termasuk ayam dan mendapati isu berkenaan tidak berlaku di pasar daerah lain.

"Satu Melaka kita pantau, tiada masalah di pasar lain di Jasin dan Alor Gajah kecuali di Bachang. Sudah banyak kali kita nasihat dan beri saranan supaya peniaga ambil bekalan ayam daripada pembekal lain juga, namun mereka beri alasan sudah biasa ambil daripada satu pembekal sedangkan di Melaka ada banyak pemborong.

"Jika pembekal tidak mampu penuhi permintaan, peniaga kena ada alternatif, tapi biasanya mereka tidak mahu ikut, kita tidak boleh paksa," katanya dihubungi bagi mengulas isu kekurangan ayam segar di Pasar Awam di Bachang yang dihadapi 18 peniaga didakwa kerana pembekal mencatu bekalan.

Norena menegaskan, isu kekurangan ayam tidak timbul kerana pengeluar di negeri ini turut memenuhi pasaran di Pantai Timur iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang.

"Peniaga kena bijak cari alternatif, contohnya beli daripada pembekal tempatan di bawah FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) yang membekalkan ayam untuk pasar tani jika pembekal sedia ada tidak dapat tampung permintaan," katanya.

Beliau juga mengingatkan orang ramai agar tidak membuat pembelian panik kerana bekalan ayam mencukupi bagi menampung permintaan di negeri ini.

"Penguat kuasa kami turut memeriksa beberapa pasar raya dan mendapati bekalan ayam banyak, jadi orang ramai tidak perlu bimbang dan membuat pembelian panik," katanya sambil memaklumkan pemantauan akan dibuat selama lapan hari.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Bisnes KFC antara terjejas jika isu harga ayam gagal diselesaikan



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR – Peniaga makanan berasaskan ayam terutama syarikat makanan segera seperti KFC akan terjejas teruk dalam masa terdekat ini jika kerajaan terus mengawal harga ayam.

Sumber berkata, perkara ini adalah kritikal malah industri ayam sudah pun memaklumkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP) dalam beberapa siri pertemuan dengan kementerian dan para pegawai kementerian tersebut.

Malah, para pegawai-pegawai mereka memahami dan mengakui tentang situasi getir yang dihadapi oleh para peserta industri ayam tempatan yang bergelut dengan kenaikan harga dedak yang melampau serta kos-kos lain termasuk pekerja sejak tahun lalu.

Sumber berkata, masalah itu akan timbul apabila para penternak terpaksa 'tutup kedai' kerana sudah tidak mampu menanggung modal yang terlampau tinggi tetapi tidak dapat menjual ternakan pada harga pasaran.

"Penternak-penternak tempatan sudah ramai yang rugi tetapi masalahnya KPDNHEP tetap mahu mengawal harga ayam. Sebagai penternak kita terpaksa akur kepada kerajaan kerana tiada pilihan.

"Jika ingkar kami boleh didakwa. Tetapi jika diteruskan kira-kira 3,000 penternak bukan sahaja makan hati tetapi rugi teruk.

"Selama ini penternak ayam sering bertolak ansur dengan kerajaan dalam rundingan harga tetapi kali ini memang tak boleh. Sama ada kerajaan perlu memberi kami ruang bernafas atau industri ayam tempatan lumpuh," katanya kepada *MalaysiaGazette*.

Jika industri ini lumpuh, kesannya lebih besar berbanding jika kerajaan tidak mengawal harga ayam.

Ini kerana, jika industri lumpuh, Malaysia akan mengalami kekurangan bekalan ayam dan telur ayam segar serta rantaian pekerja-pekerja di bawah industri ini.

"Sebagai contohnya, KFC akan terjejas teruk kerana KFC memerlukan lebih dua juta ayam segar sebulan. Bekalan untuk ayam KFC sahaja adalah 10 peratus daripada bekalan ayam mentah segar tempatan.

"Jika KFC tidak mendapat bekalan ayam segar secukupnya, macam mana kelangsungan atau nasib kira-kira 740 cawangan KFC dan para pekerjanya serta seluruh rantaianya?"

"Begitu juga dengan peniaga-peniaga ayam di pasar, penjaja makanan berasaskan ayam yang lain," katanya.

Sumber yang kesal dengan situasi semasa berkata, keadaan ini berlaku kerana KPDNHEP tidak mahu memahami masalah inflasi yang melanda seluruh dunia – bukan sahaja terpaksa ditanggung oleh pengguna tetapi peserta-peserta industri pertanian dan penternakan.

Realitinya, nasib penternak ayam yang selama ini mengeluarkan modal besar juga semakin terhimpit.

Dalam masa yang sama, usahawan-usahawan ini dikenakan pula kenaikan tarif elektrik.

“Hasrat kerajaan untuk melindungi pengguna memang dipuji kerana itulah tanggungjawab kerajaan tetapi jangan lupa akan nasib penternak-penternak yang juga tidak terkecuali daripada mengalami kesan inflasi.

“Harga dedak naik bukan sedikit tetapi RM34 seguni – satu kenaikan besar. Kenapa ia naik? Ia naik kerana harga komoditi melonjak. Kalau dulu harga minyak sawit RM2,500 hingga RM2,700 bagi setiap tan, sekarang RM5,700.

“Kalau harga sawit naik takkanlah harga komoditi lain rendah pulak. Kalau dedak naik sampai melangit, logik tak KPDNHEP mahu harga ayam dari ladang dijual RM5.90 sekilogram sedangkan harga sebenar ladang sepatutnya RM6.50 sekilogram,?”

“Kerugian yang ditanggung bukan 5 sen atau 10 sen tetapi 50 hingga 60 sen bagi sekilogram. Ayam matang bukan sekilogram tetapi antara 1.2 kilogram hingga 1.5 kilogram. Cuba kira kerugian kami.

”Kami tidak menerima subsidi, bantuan lain pun tidak. Jadi fikir-fikirkanlah.

“Sekiranya kesian pada pengguna, simpatilah juga kepada penternak,” soal sumber lagi.

Tanpa mahu bercakap lanjut, sumber industri ayam tempatan ini menambah, nasib keseluruhan industri ayam tempatan dan rantaianya kini terletak di tangan kerajaan sekarang.

“Kami ikut sahaja, sebab sudah penat berunding, sudah lelah berdebat dan kami akui kami kalah. Tapi percayalah kenyataan kerajaan untuk mengimport ayam dari luar sebenarnya tidak menyelesaikan isu ini sebaliknya memburukkan keadaan,” tegasnya. – MalaysiaGazette

BANYAK PENTERNAK AYAM BAKAL GULUNG TIKAR